

**CAP Cadang Kerajaan Tubuh Lembaga Hak Milik Strata
Bernama
19 Julai, 2012**

GEORGE TOWN, 19 Julai (Bernama) -- Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) Khamis mencadangkan kepada kerajaan supaya menubuhkan Lembaga Hak Milik Strata bagi menangani masalah penduduk bangunan bertingkat.

Presiden CAP, S.M Mohamed Idris berkata cadangan itu bertujuan memberi kuasa kepada lembaga itu mendengar rayuan daripada penghuni pangsapuri yang mengalami masalah dengan pemaju.

Beliau berkata sebelum ini tanggungjawab melindungi penghuni bangunan bertingkat di bawah Pesuruhjaya Bangunan (CoB), bagaimanapun jika terdapat sebarang perselisihan pendapat mengenai keputusan CoB, penghuni tidak mempunyai pilihan lain selain membawa perkara tersebut ke mahkamah.

"Ini adalah kerana Lembaga Hak Milik Strata yang sepatutnya mempunyai kuasa mendengar rayuan daripada penghuni pangsapuri tidak pernah dibentuk. Keadaan ini sama sekali tidak adil bagi penghuni yang terlibat," katanya pada sidang media di sini.

S.M Mohamed berkata penghuni bangunan bertingkat kini mengalami masalah apabila pemaju melengahkan permohonan hak milik strata dan penyerahan hak milik tersebut kepada mereka iaitu dengan cara pemaju memegang yuran penyelenggaraan yang dibayar pembeli.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=681984>

